

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 JUN 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Orang ramai dipelawa kongsi idea pacu ekonomi

Orang ramai dipelawa kongsi idea pacu ekonomi

Kementerian Kewangan (MOF) mempelawa orang awam untuk memberi pandangan serta input berkaitan langkah bagi mengembangkan ekonomi negara selain memainkan peranan aktif bagi membentuk landskap ekonomi berkenaan.

Pandangan itu akan menjadi panduan penting bagi kerajaan dalam merangka dasar serta keutamaan untuk memacau pertumbuhan ekonomi negara ini, kata kementerian itu dalam satu kenyataan, semalam.

"Ia akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Pelan Induk Perindustrian (Ogos 2023), Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (September 2023) dan Belanjawan 2024 (Okttober 2023)," katanya.

Sehubungan itu, MOF berakta orang awam boleh berkongsi maklum balas mengenai pelbagai topik seperti ekonomi, subsidi dan perlindungan sosial melalui saluran maklum balas secara dalam talian iaitu Surakan Pendapat Anda mulai semalam di www.mof.gov.my.

